

UCAPAN YANG DIPERTUA BADAN PEGUAM MALAYSIA

Majlis Menghormati Pelantikan Ketua Hakim Negara

6 Ogos 2025 | 3.00 pm | Mahkamah Persekutuan 1, Istana Kehakiman

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara,

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya,

Yang Amat Arif Hakim Besar Sabah dan Sarawak,

Yang Arif hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan,
Mahkamah Tinggi

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam hormat.

Saya mewakili Badan Peguam Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Arif Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh atas pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara. Kami turut mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Arif Dato' Abu Bakar Jais atas pelantikan sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan Yang Amat Arif Datuk Azizah Nawawi sebagai Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Majlis pada hari ini bukan sekadar meraikan pelantikan tiga tokoh penting dalam institusi kehakiman negara, tetapi juga mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem keadilan dan mereka yang diberi amanah untuk menerajui.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Badan Kehakiman berperanan sebagai penjaga kepada Perlembagaan Persekutuan dan pelindung kepada hak-hak asasi setiap rakyat. Dalam apa jua keadaan, apabila timbul persoalan keadilan, pihak yang menjadi harapan terakhir rakyat ialah institusi kehakiman. Ia adalah tempat di mana kebenaran dicari, undang-undang ditafsirkan, dan hak-hak dipertahankan.

Hakim yang adil, bebas, dan berintegriti bukan sahaja menjamin keadilan untuk individu dalam sesuatu kes, tetapi turut membentuk asas kestabilan dalam masyarakat. Tanpa sistem kehakiman yang berwibawa, demokrasi akan lemah, kepercayaan awam akan terhakis, dan negara akan terdedah kepada penyalahgunaan kuasa.

Kebebasan badan kehakiman adalah asas kepada keadilan. Ia adalah prinsip yang bukan sahaja mesti dihormati oleh kerajaan, tetapi juga oleh masyarakat secara keseluruhan. Sebuah badan kehakiman yang bebas menjamin bahawa semua individu, tanpa mengira latar belakang, kuasa atau kekayaan, adalah sama rata di sisi undang-undang.

Ketua Hakim Negara memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja dalam menguruskan pentadbiran kehakiman, tetapi juga dalam menetapkan nada, arah dan budaya integriti dalam institusi ini. Dalam zaman di mana pelbagai bentuk tekanan politik, ekonomi dan sosial mencabar asas demokrasi dan kedaulatan undang-undang, kepimpinan yang berani dan berprinsip adalah kunci utama kepada kelangsungan sebuah sistem kehakiman yang dihormati.

Badan Peguam Malaysia percaya bahawa masa depan sistem kehakiman kita terletak kepada usaha berterusan untuk memastikan akses kepada keadilan yang saksama untuk semua. Kita perlu memastikan bahawa rakyat, terutamanya golongan terpinggir, tidak terhalang daripada mendapatkan perlindungan undang-undang yang sewajarnya. Pentadbiran kehakiman akan lebih bermanfaat apabila cekap, mudah diakses, telus, dan mesra rakyat.

Ini telah dibuktikan Rakyat boleh bergantung harap bahawa sifat Badan Peguam Malaysia yang tidak memihak mahupun bersifat politik akan terus menerajui kedaulatan undang-undang dan kebebasan kehakiman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Hari ini adalah hari yang penuh makna. Ia merupakan titik permulaan baharu untuk satu era kepimpinan kehakiman yang akan terus diuji oleh pelbagai cabaran. Namun kami percaya bahawa dengan kebijaksanaan, ketegasan dan integriti yang dimiliki oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, institusi kehakiman negara akan terus gagah berdiri — sebagai mercu tanda keadilan dan penjaga kepada kedaulatan undang-undang.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghormatan kepada semua yang dilantik.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Mohamad Ezri b Abdul Wahab
Yang Dipertua
Badan Peguam Malaysia